

28 AUG 1996
Malaysia-Perpaduan
PEMBENTUKAN BANGSA MALAYSIA MENERUSI WAWASAN 2020

PULAU PINANG, 28 Ogos (Bernama) -- Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon berkata gagasan ke arah mewujudkan satu bangsa Malaysia yang bersatu padu akan dapat dijayakan melalui Wawasan 2020.

Wawasan itu dapat menggalak dan menggerakkan rakyat berbilang kaum untuk bekerjasama ke arah matlamat yang sama untuk membina negara yang maju, disegani dan dihormati dunia, katanya dalam program wawancara Khas Hari Kebangsaan yang disiarkan secara langsung melalui RTM malam tadi.

Dr Koh berpendapat nilai-nilai murni, kesederhanaan dan toleransi jauh lebih penting bagi mencapai matlamat itu kerana gagasan mewujudkan satu bangsa Malaysia bukanlah bermakna mempunyai agama, kebudayaan dan bahasa yang sama.

"Apa yang penting ialah menyemai perasaan patriotik dan mengutamakan kepentingan negara dalam membuat keputusan dalam proses pembangunan negara untuk merealisasikan Wawasan 2020", katanya.

Yang turut serta dalam rancangan itu ialah Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Mohamad Taib, Menteri Besar Johor Datuk Haji Abdul Ghani Othman, Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud, Timbalan Ketua Menteri Sabah, Datuk Joseph Kurup, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwah Pengguna Datuk S.Subramaniam dan bekas Menteri Kebajikan Masyarakat Tan Sri Aishah Ghani.

Dr Koh bersetuju bahawa bangsa Malaysia dalam erti kata yang sebenarnya masih belum wujud, tetapi beliau berpendapat Malaysia sedang menuju ke arah pembentukan itu.

"Konsep bangsa Malaysia bukanlah mempunyai segala-gala yang sama, sama ada daripada segi kebudayaan dan agama dan bahasa yang sama, tetapi apa yang penting ialah mempunyai semangat kebangsaan dan mencintai negara," katanya.

Sebenarnya, kata beliau, rakyat Malaysia mempunyai nilai-nilai sejagat yang sama, yang pada pendapatnya proses itu telah dimulakan dengan Wawasan 2020, proses politik melalui Barisan Nasional dan proses pembinaan negara.

Dr Koh berkata tidak ada percanggahan yang begitu ketara walaupun ada perbezaan di kalangan rakyat berbilang kaum di negara ini.

"Perbezaan kaum yang diwakili parti-parti politik itu akan dapat diatasi dan diselaraskan melalui kerjasama di bawah naungan Barisan Nasional," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata Malaysia bertuah kerana rakyatnya mewarisi tamadun-tamadun utama dunia seperti Islam, Melayu, India, China dan Barat yang mempunyai unsur-unsur kesederhanaan, toleransi dan nilai murni yang dapat dikongsi bersama.

Katanya walaupun masih terdapat cabaran yang perlu ditangani, Malaysia memang sedang menuju ke arah perpaduan melalui sistem politik yang sedia ada dan sistem ekonomi yang begitu pesat membangun.

Ketika bercakap kepada pemberita di RTM Pulau Pinang kemudian, beliau berkata lawatan rombongan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed ke China yang turut disertainya Sabtu lepas, sangat berjaya dalam usaha meningkatkan hubungan dua hala.

Dr Koh berkata beliau mendapati pucuk pimpinan negara itu menghormati sikap dan pandangan Perdana Menteri berhubung isu keadilan sejagat.

Sikap seperti itu akan membawa faedah kepada hubungan dua hala demi faedah rakyat kedua-dua negara sama ada dalam bidang pelaburan, perdagangan, kebudayaan dan pendidikan, katanya.

Lawatan itu juga secara tidak langsung memberi manfaat kepada Pulau Pinang berikutan terdapat pertanyaan daripada dua syarikat besar negara itu untuk mengadakan usahasama dan melabur di negeri ini. -- BERNAMA

NH NMO